

BAHAGIAN PELESENAN

SYARAT-SYARAT AM BAGI KELULUSAN LESEN TEMPAT / PUSAT MENCUCI KERETA

Bil	Perkara
1.	Pusat cuci kereta hendaklah dijalankan di tempat yang sesuai seperti stesyen minyak, kilang atau bengkel.
2.	Semua aktiviti cucian hendaklah dijalankan dalam bilik tertutup atau ruang yang terkepong.
3.	Lantai dan dinding hendaklah disudahi dengan jubin yang sempurna.
4.	Mengadakan sistem peparitan di sekeliling pusat cuci kereta dengan “glazed invert” dan perangkap hakisan tanah serta perangkap minyak “oil interceptor” sebelum disambung ke longkang awam.
5.	Mempamerkan papan tanda “Dilarang Merokok”, “Utamakan Keselamatan”, “Jaga Kebersihan” dan “Menggunakan Alat Pelindungan” yang sempurna dan mencukupi.
6.	Premis hendaklah mempunyai sistem bekalan air Jabatan Bekalan Air / Elektrik dan sistem pembetungan yang sempurna dan berkeadaan baik / selamat.
7.	Premis hendaklah mempunyai bilik tandas lelaki dan perempuan yang berasingan serta kemudahan-kemudahan mencuci tangan seperti sinki dan besen yang sempurna dan mencukupi.
8.	Premis hendaklah mempunyai pusat pembuangan sampah dan tong-tong sampah bertudung yang sempurna dan mencukupi serta berkeadaan bersih.
9.	Premis hendaklah mempunyai kemudahan rawatan perubatan kecemasan yang lengkap dan mencukupi seperti peti ubat dan lain-lain alat perubatan yang perlu untuk kegunaan pekerja.
10.	Mengadakan bilik menunggu yang sesuai untuk pelanggan.
11.	Sentiasa menjaga kebersihan yang sesuai dan keselamatan pusat memcuci kereta dan sekitarnya.
12.	Mengadakan sistem pemadam api yang diluluskan oleh bomba.
13.	Mengadakan perkhidmatan pembuangan sampah yang dilesenkan oleh MDKS.
14.	Dilarang menjalankan aktiviti membaiki kenderaan.
15.	Pekerja hendaklah memakai pakaian seragam dan gunakan alat-alat pelindungan yang sempurna dan bersih serta “locker” untuk simpanannya.
16.	Borang-borang hendaklah diletakkan / disimpan diatas rak / kabinet dengan kemas / teratur.
17.	Semua premis termasuk kawasan sekitarnya hendaklah bebas daripada serangga dan rodensia / haiwan.
18.	Memastikan pusat cuci kereta tiada bunyi bising, kacau ganggu kepada pekerja, orang awam atau boleh mencemarkan alam sekitar.
19.	Dilarang menghalang mana-mana laluan pekerja, tempat letak kenderaan, longkang, pintu masuk / keluar dan tangga serta kaki lima, lorong dan jalan.
20.	Dilarang menjalankan aktiviti atau pekerjaan lain di premis tanpa lesen atau kebenaran MDKS.
21.	Sentiasa menjaga kebersihan dan keselamatan premis dan persekitaraannya.